

19/08/2001

Perdana Menteri dijangka temui 5,000 pemimpin pelajar

IPOH: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menemui 5,000 pemimpin pelajar sekolah seluruh negara serta menyaksikan dua catatan Malaysia Book of Records iaitu bendera terbesar dan orkestra teramai di Malaysia di negeri ini, Sabtu ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata Perdana Menteri dijangka menemui pelajar yang terdiri daripada pengawas sekolah seluruh negara di Stadium Indera Mulia, di sini pada sebelah pagi.

Katanya, sebelum pulang, Dr Mahathir dijangka menyaksikan bendera Jalur Gemilang gergasi yang dihasilkan pelajar, guru dan ibu bapa Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampang (SMKSA), Gunung Rapat, dekat sini sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-44.

"Kita akan bentangkan bendera itu di padang Sekolah Tuanku Abdul Rahman dengan antara 2,000 dan 3,000 pelajar akan berada bersama pada ketika itu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri di kediamannya di sini, malam semalam.

Tajol Rosli berkata, satu lagi catatan rekod ialah orkestra paling ramai yang terdiri daripada gabungan 300 pelajar dan guru sekolah yang akan diadakan di perkarangan stadium.

(END)